

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 APRIL 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 23
SURAT

OPR dijangka turun seawal Julai

Bisnes

Isnin,
28 April 2025
bhbiz@nstp.com.my

* Untuk lebih berita di www.bharian.com.my

OPR dijangka turun seawal Julai

Bank Negara mungkin ambil langkah sokong pertumbuhan ekonomi susulan tarif AS

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) memiliki keupayaan menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus seawal Julai ini, menurut CIMB Treasury & Markets Research.

Firma penyelidikan itu berkata, langkah itu berkemungkinan besar diambil bagi menangani ketidakseimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi susulan tarif perdagangan yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) dan ketidakpastian global yang semakin ketara.

Menurutnya, anggaran awal pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku pertama 2025 yang

merosot kepada 4.4 peratus lebih rendah berbanding 5 peratus pada suku keempat 2024 menjadi antara petunjuk utama bagi pelonggaran dasar monetari.

"Unjuran kami lebih rendah berbanding konsensus Bloomberg 4.8 peratus dan juga ramalan dalam kami, iaitu 4.5 peratus."

"Dalam persekitaran inflasi yang terus reda, ini memberi ruang kepada BNM untuk bertindak," katanya dalam nota penyelidikan itu.

CIMB menjangka mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada 9 Julai akan menjadi detik penting, terutama selepas tempoh penangguhan tarif AS selama 90 hari tamat serta perkembangan rundungan perdagangan yang sedang berjalan.

Kadar inflasi Malaysia kini juga berada pada tahap rendah, mencatatkan 1.4 peratus pada Mac 2025, di bawah ramalan CIMB sendiri, iaitu 1.7 peratus dan mencerminkan penurunan lapan bulan berturut-turut daripada 2.0 peratus pada Julai 2024.

Inflasi daripada pihak pengeluaran turut kekal terkawal dengan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pada 0.3 peratus pada Februari, lebih rendah daripada purata 0.2 bulan lalu 0.4 peratus.

"Ringgit juga mengukuh 1.8 peratus setakat ini sejak awal tahun, mengurangkan tekanan kos yang diimport," katanya.

Bagaimanapun, CIMB menjangka, terdapat juga risiko peningkatan inflasi susulan beberapa faktor seperti semakan gaji, peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), rasionalisasi subsidi bahan api RON95 dan pelarasan tarif elektrik.

Inflasi teras kekal stabil

Namun, inflasi teras kekal stabil pada 1.9 peratus, sedikit lebih tinggi daripada purata 12 bulan 1.8 peratus, manakala inflasi tanpa bahan api menyederhana kepada 1.5 peratus dan inflasi perkhidmatan menurun kepada 2 peratus.

"Petunjuk pasaran buruh juga memperlihatkan keadaan sederhana. Pertumbuhan gaji dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta aktiviti pengambilan pekerja kekal stabil," katanya.

Sementara itu, MIDF Research menjangkakan OPR kekal pada 3 peratus sepanjang

2025 memandangkan tiada petunjuk jelas inflasi yang didorong oleh permintaan.

MIDF menyifatkan dasar semasa sebagai 'normal' dan menyokong pertumbuhan ekonomi secara mampan.

TA Securities turut berkongsi pandangan sama, dengan menjangkakan OPR kekal pada 3.00 peratus tahun ini, kecuali berlaku sebarang kejutan ketara terhadap prospek inflasi.

TA menjangkakan kadar inflasi berada dalam lingkungan 2 hingga 3 peratus sepanjang tahun.

"Kami akan terus memantau perkembangan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) dan menyediakan kemas kini jika perlu," katanya.

